

Aktiviti kuari, kerja tanah mungkin sumbang pencemaran udara Seremban

12 April 2023



Penunggang motosikal memakai topeng pelindung pernafasan berikutan keadaan agak berjerebu di sekitar bandar Seremban, hari ini . - NSTP/Azrul Edham

Seremban : Aktiviti kuari di sekitar daerah ini dan kerja-kerja tanah di kawasan perindustrian baharu sekitar Nilai, mungkin menjadi penyumbang kepada pencemaran udara yang dikesan berlaku di sekitar ibu negeri hari ini.

Sehubungan itu, Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata pihaknya sudah mengarahkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri dan Pejabat Daerah Seremban untuk mengambil tindakan memantau aktiviti berkenaan.

Katanya, ia penting supaya keadaan terbabit tidak menyumbang ke arah mencetuskan jerebu atau indeks pencemaran udara (IPU) yang tinggi sehingga memberi kesan kepada penduduk setempat.

"Ia (pencemaran udara) mungkin berpunca daripada aktiviti kuari berhampiran dan kerja-kerja tanah di kawasan perindustrian baharu di Nilai. Sebenarnya arahan sudah diberikan kepada pihak berkuasa berkaitan untuk pantau, operasi dibuat kira-kira dua minggu lalu dan keadaan didapati terkawal.

"Bagaimanapun pencemaran udara dilihat ada semula hari ini, jadi tindakan segera akan diambil, khususnya babit aktiviti kuari dan kerja tanah di kawasan terbabit," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat EXCO di sini, hari ini.

Seremban mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat hari ini, iaitu 127 setakat jam 12 tengah tadi. Berdasarkan bacaan dipaparkan di laman web <http://apims.doe.gov.my>, daerah ini mula mencatatkan IPU tidak sihat sejak jam 6 pagi tadi.

Sehingga jam 12 tengah hari, hanya tiga kawasan, iaitu Keningau, Sabah dan ILP Miri dan Sri Aman di Sarawak mencatatkan IPU baik, manakala sebanyak 64 kawasan lain pula mencatatkan IPU sederhana.

Memaklumkan tiada sebarang laporan membabitkan kebakaran diterima pihak berkuasa setakat ini, Aminuddin berkata, pengusaha kuari juga diminta untuk melakukan semburan air di kawasan aktiviti yang dijalankan.

"Saya juga minta orang ramai tidak melakukan pembakaran terbuka termasuk di kawasan kebun, kerana ia akan menyumbang kepada kesan pencemaran udara yang lebih teruk," katanya.

Dalam pada itu, Menteri Besar turut memaklumkan keadaan air di tujuh empangan di Negeri Sembilan ketika ini masih stabil dan mampu membekalkan air kepada penduduk seperti biasa.

"Memang ketika ini cuaca panas dan kering kerana tiada hujan, boleh beri kesan kepada empangan, namun setakat ini masih terkawal dan Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) akan terus memantau," katanya.

Sementara itu, Pengarah JAS negeri, Hamzah Mohamad, ketika dihubungi, berkata bacaan IPU bergantung kepada keadaan cuaca panas dan kering akibat kekurangan hujan di beberapa kawasan.

"JAS bersama agensi berkaitan akan sentiasa memantau kualiti udara dan memastikan tiada mana-mana pihak melakukan pembakaran terbuka," katanya.

-Berita Harian